

ANALISIS GENDER DALAM BAHASA MELAYU DARI SUDUT LEKSIKAL DAN MAKNA

Suhaidah Said
Siti Nurul Jannah Fital
Nor Suhaila Che Pa
Pusat Bahasa Antarabangsa
Universiti Malaysia Perlis

ABSTRAK

Bahasa merupakan satu alat yang digunakan oleh anggota masyarakat untuk berhubung. Penggunaan bahasa dipengaruhi oleh pelbagai unsur sosial yang mewujudkan pelbagai variasi bahasa dalam sesebuah komuniti bahasa. Gender merupakan salah satu aspek sosial yang dimaksudkan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti, menghuraikan dan mengelaskan leksikal perempuan yang dikelompokkan dalam kategori kekeluargaan. Sebanyak 48 leksikal yang berdasarkan gender perempuan dalam kategori kekeluargaan telah diperoleh daripada *Kamus Dewan Edisi Keempat (2005)* sebagai sampel kajian. Sumber data bagi penggunaan leksikal perempuan diperoleh daripada korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Hasil kajian ini mendapati bahawa kosa kata bahasa Melayu mempunyai leksikal gender, iaitu perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki atau perempuan dan yang bersifat neutral, yakni yang tidak merujuk kepada lelaki atau perempuan. Hal ini dapat dikenal pasti dengan menggunakan kaedah analisis komponen makna.

Pengenalan

Perkataan gender berasal daripada bahasa Latin, iaitu “genus” yang bererti jenis. Gender ialah sifat dan perilaku yang semula jadi yang ada pada lelaki dan perempuan yang dibentuk secara sosial dan juga budaya (Nor Hashimah Jalaluddin: 2007). S. Nathesan (2007) pula berpendapat bahawa genus atau gender ialah klasifikasi nahu tentang kata nama atau kata-kata yang berkaitan, yang merujuk kepada jantina lelaki atau perempuan, dan yang bersifat berkecuali iaitu yang tidak merujuk kepada sebarang jantina. Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: 457)*, gender membawa maksud golongan jenis kata dalam tatabahasa sesuatu bahasa seperti maskulin, feminin dan neuter.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: 912)*, leksikal bermaksud perkataan atau perbendaharaan kata sesuatu bahasa. Dari aspek genus, leksikal merujuk kepada kata-kata khusus yang merujuk kepada lelaki dan perempuan. Kata-kata yang merujuk kepada lelaki disebut sebagai leksikal maskulin dan kata-kata yang merujuk kepada wanita dikenali sebagai leksikal feminin. Leksikal yang berunsurkan gender merujuk kepada perbezaan penggunaan kosa kata untuk lelaki atau perempuan.

Pernyataan Masalah

Umum mengetahui, gender merupakan istilah yang merujuk kepada jantina lelaki dan perempuan. Persoalannya, adakah wujud variasi bahasa yang berdasarkan gender? Ada pendapat yang menyatakan bahawa wujud bahasa khusus yang digunakan apabila berkomunikasi dengan wanita, misalnya dalam bahasa Perancis. Sebagai contoh Palmer (1989: 136) berpendapat bahawa, dalam bahasa Perancis nama-nama pekerjaan yang diakhiri dengan perkataan *sentinelle* bersifat feminin.

Kebanyakan bahasa di dunia mempunyai perbezaan dari segi kosa kata, terutamanya bagi kata ganti nama. Dalam kalangan wanita Jepun, mereka cenderung menambahkan imbuhan 'o' dalam ayat atau kata dasar bagi menunjukkan tanda sopan dan hormat dalam berbahasa (Holmes, 2001: 151). Misalnya *okane* digunakan oleh wanita manakala *kane* digunakan oleh lelaki. Dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris pula, penggunaan perkataan yang membezakan gender amat dititikberatkan, terutama kata ganti nama diri. Dalam bahasa Inggeris, kata ganti nama diri lelaki ditandai dengan kosa kata *he dan his* manakala wanita *she*, dan *her dan it* untuk neutral (S. Nathesan: 2007). Kata ganti nama diri kamu dalam bahasa Arab ditandai dengan leksikon *anta* (bagi lelaki) dan *ante* (bagi wanita).

Fenomena ini juga wujud dalam bahasa Melayu tetapi bukan dalam kata ganti nama diri. Hal ini kerana, dalam bahasa Melayu, kata ganti nama diri bersifat neutral, iaitu boleh digunakan bagi merujuk kepada lelaki dan perempuan. Namun begitu, perbezaan penggunaan perkataan mengikut gender digunakan dalam panggilan/gelaran, misalnya panggilan encik digunakan untuk lelaki dan puan untuk perempuan.

Sehubungan dengan kewujudan perbezaan penggunaan dalam panggilan/gelaran ini maka kajian ini bertujuan untuk meninjau dan membuktikan bahawa ciri-ciri gender wujud dalam bahasa Melayu dan kewujudan itu akan dibuktikan menerusi kewujudan leksikal dan makna leksikal berkenaan yang merujuk kepada gender.

Objektif

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti, menghuraikan dan mengelaskan leksikal bahasa Melayu berdasarkan unsur gender. Kajian ini juga memperlihatkan bahawa wujud perbezaan makna bagi leksikal yang bercirikan gender perempuan.

Metodologi kajian

Pengkaji menggunakan dua kaedah iaitu pengumpulan data dan penganalisan data. Untuk mendapatkan data, *Kamus Dewan Edisi Keempat (2005)* digunakan untuk mendapatkan leksikal yang berunsurkan gender perempuan. Leksikal yang berunsurkan gender perempuan ini akan dikenal pasti dan dikelaskan mengikut kategori kekeluargaan. Dalam kajian ini penulis akan menggunakan analisis komponen makna bagi mengkaji leksikal gender perempuan yang terdapat dalam bahasa Melayu. Analisis komponen makna yang merupakan idea yang digagaskan oleh Katz dan Fodor (1963) dan diperluas oleh Lyons (1994)

merupakan usaha pertama menerapkan kaedah analisis komponen makna ke dalam kerangka tatabahasa transformasi.

Sorotan kajian

Kajian tentang leksikal yang berunsurkan gender telah mula mendapat perhatian para pengkaji tempatan. Namun begitu, kajian yang dijalankan masih tidak mencukupi dan dilakukan secara mendalam terutamanya dari sudut makna.

S. Nathesan (1998) dalam kajiannya yang bertajuk *Leksis Gender dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal dari Sudut Makna* meneliti leksis gender yang terdapat dalam bahasa Melayu. Beliau menggunakan pendekatan analisis komponen atau pemecahan komponen makna diterapkan untuk mengenal pasti leksis berkenaan sama ada mengandungi ciri-ciri lelaki atau perempuan.

Data yang diperoleh dibahagikan kepada tiga kelompok utama, iaitu yang bersifat neutral, dan yang menunjukkan jantina lelaki dan perempuan. Hasil kajian ini mendapati bahawa kosa kata dalam bahasa Melayu mempunyai leksis gender, iaitu perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki atau perempuan dan yang bersifat neutral, yakni yang tidak merujuk kepada lelaki atau perempuan. Hal ini dapat dikenal pasti dengan menggunakan kaedah analisis komponen makna.

Zaitul Azma Zainon Hamzah (2007) pula mengkaji unsur feminin dalam bahasa dan budaya Melayu. Beliau mendapati bahawa unsur feminin mewakili pelbagai kategori dalam bahasa dan budaya Melayu. Bermula dengan kata nama seseorang individu, diikuti oleh kata adjektif seterusnya meluas dalam bidang sukan dan permainan, pekerjaan, agama, kemasyarakatan,

ekonomi, perubahan dan kekeluargaan. Menurut beliau lagi, walaupun sesetengah unsur bahasa feminin ini tidak lagi dikhususkan kepada perempuan zaman sekarang, namun kategori itu masih wujud dan akan kekal dalam kamus bahasa dan budaya Melayu.

Parker (1994) dalam *Linguistik untuk Bukan Ahli Linguistik* menerangkan bahawa salah satu kaedah yang digunakan untuk mengenal pasti maksud sesuatu kata ialah dengan kaedah yang dinamakan pemecahan leksikal (komponen makna). Menurut beliau kaedah ini mengetengahkan maksud sesuatu kata dalam bentuk fitur semantik yang terkandung di dalamnya. Parker memberi contoh kata *man*, *women*, *boy*, dan *girl*. Maksud kata tersebut dapat diberikan nilai dengan ciri khusus (+ atau -) untuk fitur (\pm dewasa) dan (\pm lelaki).

Menurut Parker (1994: 44) lagi, kaedah pemecahan leksikal didapati mempunyai beberapa kelebihan apabila digunakan sebagai satu kaedah untuk memberikan ciri nilai maksud bagi sesuatu kata. Pertama, kaedah ini memberi penjelasan tentang intuisi penutur bahasa Inggeris yang menganggap makna perkataan *man* dan *boy* lebih mempunyai hubung kait berbanding dengan makna bagi perkataan *man* dan *girl*. Kedua, memberi nilai makna bagi sesuatu perkataan tambahan akan menjadi lebih mudah dengan menambahkan fitur tersebut. Akhir sekali, dengan kaedah ini sekurang-kurangnya kita boleh memberi nilai ciri bagi sesuatu set perkataan yang tidak terhad dengan sesuatu bilangan fitur semantik yang tertentu.

Dapatan Kajian

Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: 1182)*, perempuan bermaksud (1) wanita, lawan laki-laki, (2) isteri. Leksikal yang sama maknanya dengan perempuan ialah wanita, nisa, pedusi, hawa, dan wadan. Analisis komponen makna perempuan ialah (+ kata nama) (+ manusia) (+ wanita) (+lawan lelaki) dan (\pm isteri).

Menurut Nik Safiah Karim (1995: 28), perkataan perempuan pada asalnya membawa pengertian yang ada kaitan dengan jantina kaum hawa. Perkataan tersebut bukan sahaja digunakan untuk ungkapan-ungkapan biasa seperti budak perempuan dan anak_perempuan tetapi juga dalam gelaran untuk wanita yang berpasangan dengan orang-orang yang menduduki tempat yang tinggi, misalnya raja perempuan dan dato'_perempuan. Dalam leksikal perempuan ini, sebanyak 48 leksikal dikumpulkan dan digolongkan dalam kategori kekeluargaan.

Kekeluargaan

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: 725)*, kekeluargaan ialah kata yang berkaitan dengan keluarga atau hubungan sebagai anggota dalam sesuatu keluarga sama ada berasaskan keturunan atau disebabkan perkahwinan. Sampel bagi gender perempuan yang disusun mengikut abjad bagi kategori kekeluargaan ialah seperti berikut:

Jadual 1: Leksikal perempuan bagi kategori kekeluargaan

| | | | | | | | |
|-------|-------|---------|--------|-------|--------|----------|-------|
| ayu | aci | ajeng | amoi | bonda | dayang | dayangku | emak |
| embah | embih | embok | empok | gadis | ibu | ibunda | ibung |
| ina | incim | induk | indung | injin | kak | kenya | mak |
| mama | mami | mambang | mandeh | mek | nek | nenda | nenek |
| ni | nini | nisa | non | noni | nyak | semak | uai |
| umak | umi | umm | unda | uni | yong | yu | yunda |

Semua 48 leksikal yang diperoleh ini digolongkan dalam kategori kekeluargaan untuk perempuan. Namun begitu, kebanyakan leksikal ini mendukung maksud yang sama. Emak bermaksud orang yang melahirkan seseorang. Komponen makna bagi emak ialah (+ kata nama) (+ manusia) (+perempuan) (+ dewasa) dan (+ orang yang melahirkan seseorang). Dalam jadual berikut merupakan leksikal yang sama maknanya dengan emak.

Leksikal bonda merupakan leksikal yang berkaitan dengan darjat. Bonda biasa digunakan oleh golongan istana yang merujuk kepada emak. Selain daripada menunjukkan darjat, leksikal bonda juga biasanya digunakan dalam surat-menyurat. Leksikal yang sama maknanya dengan emak ialah bonda, embok, ibu, ibunda, ibung, ina, incim, induk, indung, injin, mak, mama, mandeh, mami, nyak, semak, uai, umak, umi, umm, dan unda. Antara panggilan dalam bahasa Melayu yang melibatkan leksikal ibu ialah ibu mertua, ibu saudara, ibu angkat, ibu susu dan ibu tunggal. Ibu yang membawa makna bahagian yang besar (induk, pusat, utama) daripada sesuatu, diguna pakai dalam bahasa Melayu seperti ibu jari, ibu kaki, ibu kota, ibu negara, ibu pertiwi, ibu saraf, ibu sawat, ibu panah, ibu roti, ibu mutiara, dan ibu kuih. Jadual 2 menunjukkan perkataan gender perempuan yang merujuk kepada emak.

Jadual 2: Perkataan gender perempuan yang merujuk kepada emak

| Bil | Perkataan | Makna |
|-----|-----------|--------------------------------------|
| a. | bonda | ibunda, emak |
| b. | emak | orang yang melahirkan seseorang, ibu |
| c. | embok | emak |
| d. | ibu | orang yang melahirkan kita, emak |
| e. | ibunda | bonda, ibu |
| f. | ibung | ibu, emak |
| g. | ina | emak, ibu |
| h. | incim | emak,ibu |
| i. | induk | ibu, emak |
| j. | indung | ibu,induk |
| k. | injin | emak, ibu |
| l. | mak | singkatan bagi emak |
| m. | mama | ibu |
| n. | mandeh | ibu, mak |
| o. | mami | emak |
| p. | nyak | emak |
| q. | semak | emak, ibu |
| r. | uai | emak, ibu |
| s. | umak | emak |
| t. | umi | ibuku |
| u. | umm | ibu |
| v. | unda | bonda |

Selain itu, perkataan ibu ini juga membawa makna yang negatif. Leksikal ibu yang membawa konotasi negatif ini biasanya digunakan dalam peribahasa dan kiasan. Sudah menjadi budaya dalam masyarakat Melayu, untuk menyatakan sesuatu yang dianggap negatif, sensitif dan sebagainya, bahasa kiasan digunakan untuk menegur secara halus. Antara kiasan dan peribahasa yang terdapat dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: 557)*, ialah ibu afrit, ibu ayam, ibu haruan, ibu keladi, ibu kelung, ibu pemalas, ibu pembohong, dan anak ayam kehilangan ibu. Semua kiasan dan peribahasa ini menggambarkan konotasi negatif untuk perkataan ibu. Induk pula biasanya digunakan untuk merujuk kepada binatang dan tumbuhan seperti induk ayam, induk pisang. Perempuan yang mengandung dikenali sebagai mak labu dan mak buyung. Penggunaan leksikal yang membawa maksud emak banyak digunakan dalam bahasa Melayu. Hal ini kerana, dalam masyarakat, ibu dianggap sebagai seseorang yang mulia. Namun begitu, terdapat juga leksikal ibu yang membawa konotasi negatif terutamanya dalam bentuk kiasan.

Komponen makna nenek ialah (+ kata nama) (+ manusia) (+ perempuan) (+ sudah berumur) dan (+ orang tua kepada ayah atau emak). Nenda biasanya digunakan dalam surat menyurat. Nenda merupakan singkatan bagi perkataan nenekanda. Nenda merupakan bentuk panggilan golongan bangsawan atau golongan diraja. Leksikal yang sama maknanya dengan nenek ialah embah, nek nenda, dan nini.

Leksikal kakak pula mendukung makna (+ kata nama) (+ manusia) (+perempuan) dan (+ saudara yang lebih tua). Kekanda merupakan panggilan yang digunakan oleh golongan bangsawan dan bahasa yang digunakan dalam surat-menyurat. Leksikal yang menunjukkan makna kakak ialah aci, ayu, empok, kak, ni, uni, yong, yu, dan yunda.

Gadis merupakan (1) anak perempuan yang sudah baligh (sudah boleh berkahwin), anak dara (2) masih perawan, belum disetubuhi (dicemari laki-laki) dan (3) tidak pernah beranak atau bertelur. Komponen makna bagi gadis ialah (+ kata nama) (+ manusia) (+ perempuan) (+ anak dara) dan (+perawan). Penggunaan gadis berbeza mengikut usia. Gadis besar merujuk kepada gadis yang berumur 18 tahun dan gadis kecil pula berumur dalam lingkungan 13 tahun. Gadis sunti merupakan anak dara kecil yang belum baligh. Leksikal yang sama maknanya dengan gadis ialah amoi, dayang, dayangku, embeh, gadis, kenya, mambang, non, noni, dan pemudi. Jadual 3 menunjukkan komponen makna bagi leksikal yang membawa makna gadis.

Jadual 3: Komponen makna bagi leksikal yang membawa makna gadis

| Leksikal | amoi | dayang | dayangku | embeh | gadis | kenya | mambang | non | noni | pemudi |
|----------------------------------|------|--------|----------|-------|-------|-------|---------|-----|------|--------|
| Komponen Makna | | | | | | | | | | |
| Kata nama am hidup manusia | + | + | + | + | + | + | + | + | + | + |
| Orang perempuan | + | + | + | + | + | + | + | + | + | + |
| Anak dara | + | + | + | ± | + | + | + | + | + | ± |
| Anak perempuan yang sudah baligh | + | + | + | + | + | + | + | + | - | + |
| Belum disetubuhi | + | + | + | ± | + | + | + | + | + | ± |
| Belum berkahwin | + | + | + | ± | + | + | + | + | + | ± |
| Gelaran untuk keturunan pengiran | - | - | + | - | - | - | - | - | - | - |

Kesimpulan

Kesimpulannya, leksikal yang berdasarkan gender dalam bahasa Melayu dapat dikenal pasti menerusi analisis komponen makna. Dalam kajian ini leksikal perempuan yang digolongkan dalam kategori kekeluargaan sahaja dikaji dan hasilnya menunjukkan bahawa leksikal yang berasaskan gender memang wujud dalam bahasa Melayu. Walaupun kosa kata yang menunjukkan gender dalam bahasa Melayu tidak terlalu banyak, namun hal ini cukup menarik untuk dikongsi bersama.

Bibliografi

- Holmes, J. (2001) *An Introduction to Sociolinguistics*. 2nd edition. London: Longman.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lyons, J. (1994) *Bahasa, Makna dan Konteks* (Terjemahan Zahrah Abd. Ghafur) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim (1995) "Perempuan" dan "Wanita": Perspektif Sociolinguistik. *Pelita Bahasa*, 7(4), April, hlm. 27 – 28.
- Palmer, F. R. (1989) *Semantik* (Terjemahan Abdullah Hassan) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Parker, F. (1994) *Linguistik untuk Bukan Ahli Linguistik* (Terjemahan Raja Rahawani Raja Mamat) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Nathesan (1998) Leksis Gender dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal dari Sudut Makna. *Jurnal Dewan Bahasa*, 16(6), Mac, hlm. 24 – 26.
- S. Nathesan (2007) Unsur Maskulin dalam Bahasa. *Dewan Bahasa*, 7(3), Mac, hlm. 10 – 12.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah (2007) Unsur Feminin dalam Bahasa dan Budaya Melayu. *Dewan Bahasa*, 7(2), Februari, hlm. 16 – 19.

Rujukan dalam Talian:

- Nor Hashimah Jalaluddin (2007) "Pilih Kasih Gender". Diakses pada 2 Julai 2008 daripada <http://www.brunet.bn/news/pelita/24jan/sasbuday.htm>